



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PERSEPSI PENONTON TERHADAP PEMENTASAN TEATER
TRADISIONAL MAK YONG**

Azlina Binti Hussin

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2015**

PERSEPSI PENONTON TERHADAP PEMENTASAN TEATER TRADISIONAL
MAK YONG

AZLINA BINTI HUSSIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the25.....day of...JUNE.....2015.

Student's Declaration:

IAZLINA BINTI HUSSIN , 35566, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS.....

..... (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby
declare that the work entitledPERSEPSI PENONTON TERHADAP PEMENTASAN TEATER
TRADISIONAL MAK YONG.....

is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources
except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any
part been written for me by another person.

AZLINA BINTI HUSSIN
(35566)

25 JUNE 2015

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

IEN MOHD FAHMI BIN YAHAYA..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitledPERSEPSI PENONTON TERHADAP PEMENTASAN TEATER
TRADISIONAL MAK YONG.....

(TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as
a * partial/full fulfillment for the conferment of ---BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS
(ARTS MANAGEMENT)..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the
aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: EN MOHD FAHMI BIN YAHAYA
(Name of the supervisor)

Date: 25 / 6 / 2015


I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature 
(AZLINA BINTI HUSSIN)

Supervisor signature: 
(Mohd Fadzil Bin Yalaya)

Current Address:

824 KAMPUNG SUNGAI RENGAS,
20050 KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Persepsi Penonton Terhadap Pementasan Teater Tradisional Mak Yong**” telah disediakan oleh **Azlina binti Hussin (35566)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:


.....

(Encik Mohd Fahmi Bin Yahaya)

Tarikh: 25/6/2015
.....

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan yang dipamerkan dalam Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institut pengajian tinggi (IPT) lain.

Yang Benar,



.....
(Azlina binti Hussin)

35566

Program Pengurusan Seni

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izinnya telah memberi kekuatan dan kemudahan kepada saya untuk menyiapkan projek tahun akhir ini. Walaupun pelbagai rintangan telah dihadapi, namun saya bersyukur kerana dapat menyiapkannya dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Encik Mohd Fahmi bin Yahaya di atas keprihatinan dan kesabaran beliau dalam memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang sangat berharga kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang banyak memberi kata nasihat dan tunjuk ajar kepada saya.

Sekalung ucapan terima kasih juga diucapkan kepada ayah, ibu, kakak, dan adik-adik yang tercinta di atas sokongan, kata-kata semangat dan doa kalian untuk melihat diri ini memperoleh segulung ijazah. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada teman-teman seperjuangan sepanjang tiga tahun pengajian bersama. Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama untuk menjayakan tugas ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlihat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Jasa dan budi kalian akan sentiasa dikenang, semoga kalian sentiasa di berkati oleh Allah S.W.T. Amin.

Terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN	i-ii
PENGAKUAN	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi-x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii-xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xv
BAB 1. PENGENALAN	
1.1 Latar belakang Kajian	1-3
1.2 Latar belakang Mak Yong	3-5
1.3 Permasalahan Kajian	5-6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7-8
1.6 Limitasi Kajian	8
1.7 Organisasi Kajian	9-10
BAB 2. SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1 Pengenalan	11

2.2	Teater	11-13
2.3	Teater Tradisional	13-15
2.4	Persepsi	16-17
2.5	Penonton	18-20
2.6	Teori Mak Yong	20
2.6.1	Teori Pertama	20
2.6.2	Teori Kedua	20
2.6.3	Teori Ketiga	21
2.6.4	Teori Keempat	21
2.7	Sejarah Mak Yong	21
2.7.1	Pakaian Mak Yong	22
2.7.2	Pengaruh Alat Muzik Dalam Kesenian Tradisional	23
2.7.3	Alat Muzik Rebab	24
2.7.4	Tempat Persembahan Mak Yong	25
2.7.5	Persembahan Mak Yong	25

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	26
3.2	Kaedah pensampelan	26

3.3	Kaedah pengumpulan data	27
	3.2.1 data primer	27
	3.2.2 data sekunder	28
3.4	Instrumen kajian	29
	3.4.1 Bahagian A: pengetahuan dan penerimaan penonton terhadap pementasan teater tradisional.	29
	3.4.2 Bahagian B: persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional mak yong.	30
	3.4.3 bahagian C : latar belakang responden	31
3.5	kaedah analisis data	32

BAB 4 ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	33
4.2	Hasil Dapatan Kajian	
4.2.1	Latar belakang responden	35-43
4.2.2	Pengetahuan dan penerimaan penonton terhadap	

pementasan teater tradisional.	41-52
4.2.2 Persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional mak yong	53-64
4.3 UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN	65
4.4 TABUAN SILANG (CROSSTABULATION)	66-69
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN	
5.1 PENGENALAN	70
5.2 PERBINCANGAN KAJIAN	70
5.3 CADANGAN UMUM	
5.3.1 Cadangan kepada Jabatan kebudayaan dan kesenian	71
5.3.2 Cadangan kepada masyarakat	71
5.3.3 Cadangan kepada Produksi teater	72
5.3.4 Cadangan kepada penggiat teater	73
5.3.5 Cadangan kepada institusi pengajian	73
5.4 CADANGAN KEPADA PENKAJI AKAN DATANG	
5.4.1 Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pihak penganjur bagi mendapatkan pembiayaan dan penajaan untuk pementasan teater tradisional.	74
5.4.2 Persepsi masyarakat terhadap perkembangan	

pementasan teater tradisional.	74
5.4.3 Kesan teater tradisional dalam memainkan peranan sebagai industri kreatif dalam era modenisasi	74
5.4.4 Strategi promosi yang dilakukan oleh pihak JKKN bagi memelihara seni teater tradisional.	75
5.4.5 Mengkaji seni persembahan tradisional Rodat di Terengganu.	76
5.5 RUMUSAN KAJIAN	76
GLOSARI	82
Lampiran A	84
Lampiran B	87
Lampiran C	90
Lampiran D	102

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	Latar belakang responden	35-36
Jadual 4.2	Pengetahuan dan penerimaan penonton terhadap pementasan teater tradisional.	44-45
Jadual 4.2.3	Persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional mak yong	53-54
Jadual 4.3	Ujian kebolehpercayaan	65

SENARAI RAJAH

4.2.1.1	Analisa peratusan jantina	36
4.2.1.2	Analisa peratusan umur	37
4.2.1.3	Analisis peratusan status	38
4.2.1.4	Analisa peratusan bangsa	39
4.2.1.5	Analisa peratusan agama	40
4.2.1.6	Analisa peratusan pekerjaan	41
4.2.1.7	Analisa peratusan tahap pendidikan	42
4.2.1.8	Analisa peratusan pendapatan	43
4.2.2.1	Analisa peratusan responden yang pernah melihat pementasan teater tradisional.	45
4.2.2.2	Analisa peratusan responden yang mengetahui lokasi pementasan teater tradisional.	46
4.2.2.3	Analisa peratusan responden berpengetahuan dalam bidang teater tradisional	47
4.2.2.4	Analisa peratusan responden mengetahui asal-usul teater tradisional	48
4.2.2.5	Analisis peratusan pernah melihat pementasan teater tradisional yang dimulakan dengan upacara ritual	49
4.2.2.6	Analisis peratusan yang mengetahui pementasan teater tradisional Mak Yong dan teater tradisional yang lain.	50
4.2.2.7	Analisis peratusan responden menonton teater tradisional dalam sebulan	51
4.2.2.8	Analisis peratusan responden yang mengetahui tentang teater tradisional dari mana	52
4.2.3.1	Analisa responden yang terhibur melihat pementasan teater tradisional Mak Yong	56
4.2.3.2	Analisa berdasarkan responden yang terhibur dengan watak peran atau pelawak dalam teater Tradisional Mak Yong	57
4.2.3.3	Analisa berdasarkan pakaian yang digunakan oleh pelakon dalam teater Mak Yong sangat menarik dan unik	58

4.2.3.4	Analisa berdasarkan peralatan muzik tradisional yang digunakan sesuai dalam teater Mak Yong	59
4.2.3.5	Analisa berdasarkan persepsi penonton yang terhibur dengan lagu pembukaan “Menghadap Rebab” yang dimainkan dalam teater Mak Yong	60
4.2.3.6	Analisa berdasarkan kepada responden yang memahami bahasa yang digunakan dalam teater Mak Yong	61
4.2.3.7	Analisa berdasarkan persepsi penonton terhadap tarian perlahan dan lemah lembut sesuai dalam teater Mak Yong	62
4.2.3.8	Analisa berdasarkan pilihan tempat untuk pementasan teater Mak Yong yang sesuai	63
4.2.3.9	Analisa berdasarkan kepada teater Mak Yong memberikan banyak pengajaran pada masa kini	64
4.4.1.1	Tahap pendidikan * berpengetahuan dalam bidang teater tradisional	66
4.4.1.2	Tahap pendidikan * pernah melihat pementasan teater tradisional yang dimulakan dengan upacara ritual	67
4.4.2.1	Status * terhibur melihat pementasan teater tradisional Mak Yong	68
4.4.2.2	Bangsa * memahami bahasa yang digunakan dalam teater Mak Yong	69

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian yang membincangkan tentang persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional Mak Yong. Kajian ini mengupas pandangan penonton terhadap seni pementasan teater Mak Yong dari segi persembahan, muzik, tarian, kostum atau pakaian Mak Yong, bahasa yang digunakan dan lagu yang dimainkan. Selain itu, pengkaji ingin mengenal pasti tahap pengetahuan dan penerimaan penonton terhadap pementasan teater tradisional. Pengkaji menggunakan Kaedah kuantitatif iaitu menggunakan borong soal selidik yang diedarkan kepada responden untuk mendapatkan data bagi menjawab kepada permasalahan kajian pengkaji. Borang soal selidik mengandungi 3 bahagian, bahagian A untuk menjawab objektif pertama pengkaji. Bahagian B bagi menjawab objektif kedua pengkaji dan bahagian C adalah latar belakang responden yang akan menjawab soal selidik pengkaji. Pengkaji menggunakan *Statistical Package For The Social Sciences 20.1 (SPSS 20.1)*.

ABSTRACT

This research is a study that discusses the audience's perception of Mak Yong performances of traditional theater. This study examines the views of the audience to the art of theater in Mak Yong performances, music, dance, costumes or clothing Mak Yong, the language used and the song played. In addition, the researchers want to identify the level of knowledge and acceptance of traditional audience to the theater. Researchers use quantitative methods of using the wholesale questionnaires distributed to respondents to obtain data to answer the research problem the researcher. The questionnaire consists of three parts, part A to answer the first objective researchers. Part B to answer the objectives of both the researcher and the C is the background of the respondents would answer the questionnaire researchers. Researchers using Statistical Package For The Social Sciences 20.1 (SPSS 20.1).

BAB 1 :

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Di negara-negara maju dan membangun, seni teater merupakan salah satu sumber yang dapat menjana pendapatan kepada ekonomi mereka. Malah para pelancong yang datang melawat ke negara-negara itu, pasti menjadikan teater sebagai salah satu pengisian dalam program lawatan mereka dengan menonton pementasan teater.

Menurut Jakaria Dasan (2009), beliau menyatakan bahawa seni teater di negara-negara maju dan membangun telah disokong oleh produksi teater yang terkenal contohnya University of Hawaii yang dikenali dengan adanya Teater Seni Tari, University of Berkeley dikenali dengan Teater Seni Muzik dan Institut Kesenian Jakarta yang terkenal dengan kehebatan teater seni drama.

Manakala teater di Malaysia, menunjukkan perkembangan teater masih di peringkat membangun dan sedang menuju ke arah kemajuan. Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memainkan peranan penting bagi menawarkan pengajian formal dalam bidang produksi teater. Selain itu, Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang lain juga menawarkan pengajian juga dalam bidang yang sama. Sejak tahun 1990an, masyarakat sudah menerima baik industri teater di Malaysia (Fasyali fadzly, 2012).

Sesebuah pementasan teater memerlukan pentas bagi melengkapkan pementasan mereka. Kemunculan panggung dan pentas teater yang semakin banyak dapat menggalakkan perkembangan industri teater di Malaysia. Menurut Sakini Mohd Said (2012), beliau menyatakan bahawa, walaupun industri teater di Malaysia menunjukkan perkembangan yang membanggakan, namun ianya lebih kepada pementasan teater moden dan bukan teater tradisional.

Menurut Ku Seman Mku Hussain (2000), di negeri Terengganu seni teater dekat dengan nilai-nilai tradisi dan ritual. Penggiat-penggiat teater di Terengganu tidak membiarkan teater tradisional atau upacara ritual dilupakan. Seperti Teater main petri, ulik mayang, makyung, dikir barat dan rodan telah di zahir kan dalam bentuk teater moden Terengganu. Menurut beliau lagi, Teater di Terengganu tidak ketinggalan, Walaupun tidak mampu untuk mementaskan produksi besar namun teater di Terengganu lebih kepada hubungan antara teater dengan penonton.

Selain itu, struktur teater tradisional dalam persembahan mengikut cara-cara yang telah ditetapkan dan tidak ada pengubahsuaian dalam pementasan. Namun menurut Fasyali Fadzly (2012), beliau menyatakan untuk membangunkan seni teater ialah dengan mewujudkan budaya penontonan yang baik. Teater adalah penghantaran komunikasi di antara artis dan penonton (Allensworth, 1982).

seterusnya, tujuan utama pengkaji dalam kajian ini adalah pengkaji ingin mengetahui persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional Mak Yong. Menurut Hatta Azad Khan (2007), beliau menyatakan bahawa khalayak atau penonton terbahagi kepada tiga iaitu pengunjung kerap, pengunjung tidak kerap dan pengunjung dalaman. Berdasarkan

penyataan tersebut, penonton atau pengunjung akan memberi pandangan dan penilaian yang berbeza mengikut pengetahuan dan ilmu yang mereka ada.

1.2 LATAR BELAKANG MAK YONG

Menurut Azaha Othman (2009), beliau menyatakan Mak Yong berasal dari Setiu, Terengganu. Juga dibuktikan oleh teori ke tiga dalam buku yang bertajuk Mak Yong, ditulis oleh Jasman Ahmad dan Siti Zaiton (1996). Mak yong merupakan salah satu kesenian Melayu tradisional yang tidak dapat lari dari ancaman kepupusan. Menurut Utusan Malaysia (2012), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah melancarkan eksplorasi Mak Yong 2012 untuk mementaskan Mak Yong di seluruh Negara.

Walaupun, sehingga kini Mak Yong masih diminati dan dikenali ramai, namun teater Mak Yong mempunyai banyak persaingan yang datang daripada pelbagai bentuk hiburan moden yang ada pada zaman globalisasi. Menurut Ridzuan Abdul Rahman (2015), Mak Yong merupakan satu-satunya kesenian rakyat Malaysia yang mendapat pengaktifan daripada UNESCO sebagai seni warisan Negara (*World Cultural Heritage - Masterpieces of the Oral and Intangible Heritage of Humanity*) pada 25 November 2005.

Menurut Jasman Ahmad Dan Siti Zaiton (1996), Mak Yong dikomersialkan dan diperkenalkan di peringkat kebangsaan terutamanya oleh kumpulan-kumpulan seperti seri temenggung, kumpulan Tiong Emas, hiburan Dagang dan kumpulan-kumpulan baharu bawah naungan Yayasan seni yang diketuai oleh tokoh Mak Yong yang terkenal iaitu Khatijah Awang. Mak Yong mempunyai 12 buah cerita yang sering dipersembahkan. Cerita yang paling popular dalam Mak Yong ialah Dewa Muda dan Anak Raja Gondang.

Mak Yong juga dipanggil sebagai Makyung, Mak Yong merupakan seni hiburan masyarakat pada zaman dahulu. Menurut Umi Abdullah (2003), Mak Yong merupakan tarian Melayu yang begitu halus dan unik gerak tariannya. Mak Yong mempunyai unsur-unsur muzik, komedi, tarian dan drama yang dipentaskan secara teater keliling iaitu diklilingi oleh penonton.

Pelakon dalam Mak Yong terdiri daripada gadis-gadis muda dan jelita yang mengambil semua peranan lelaki dan perempuan kecuali watak-watak komedi atau peran. Menurut Jasman Ahmad dan Siti Zaiton (1996), Mak Yong sangat mementingkan tarian, nyanyian, lakonan dan seni muzik kerana berperanan penting bagi menghidupkan suasana.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merupakan perkara utama yang mendorong kepada kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji. Beberapa masalah yang telah dikenal pasti oleh pengkaji:

1.2.1 Kurangnya ilmu pengetahuan dan penerimaan penonton dalam teater tradisional

Pengkaji mendapati bahawa generasi masa kini kurang berpengetahuan dalam bidang pementasan teater tradisional. Menurut Noradila Mahamad (2013), beliau menyatakan bahawa untuk menjadikan bidang teater sebagai kerjaya sepenuh masa perlulah dimulakan sejak sekolah rendah lagi dan apabila mereka keluar dari persekolahan dengan minat dan ilmu kesenian dapat menghidupkan semula seni teater. Oleh itu, generasi muda perlu mempunyai pengetahuan mengenai pelbagai jenis dan bentuk seni budaya yang diwarisi sejak berzaman lagi.

Mak Yong dikatakan khurafat kerana mempunyai unsur-unsur ritual. Menurut Faizal Saharun (2009), Mak Yong mengamalkan elemen spiritual bagi menyembuhkan pelbagai penyakit yang berkaitan emosi manusia yang tidak stabil. Namun Mak Yong tidak membuatkan si pengamalannya menjadi khurafat atau terpesong daripada akidah Islam. Akan tetapi ia sebaliknya bergantung kepada individu yang menjiwai Mak Yong ini sendiri.

Selain itu, kurangnya penerimaan penonton terhadap teater tradisional disebabkan munculnya teknologi yang serba canggih pada masa kini. Hal ini demikian kerana, generasi sekarang lebih memilih untuk menonton televisyen atau pawagam berbanding teater tradisional. Buktinya, Sakini Mohd Said (2012), menyatakan bahawa beliau telah mengenal pasti beberapa masalah yang menyebabkan penonton kurang berminat untuk menonton teater tradisional disebabkan kemunculan televisyen, internet, peranti yang menjadi punca utama kepada pengurangan pementasan teater tradisional.

Walau bagaimanapun, pementasan teater tradisional dipentaskan hanya mengikut musim tertentu, namun berbeza pula dengan teater moden yang mendapat pilihan dari penonton untuk dipentaskan. Oleh itu, pengkaji ingin mengetahui tahap pengetahuan penonton dan juga penerimaan mereka terhadap teater tradisional yang berunsurkan ritual.

2.2.2 perbezaan persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional Mak Yong.

Menurut Gembong Hadi Wibowo (2008), dalam kajian beliau menyatakan bahawa perbezaan persepsi penonton terhadap sesuatu seni persembahan dilihat melalui beberapa aspek iaitu dari segi persembahan, bahasa yang digunakan, watak yang dimainkan, pakaian atau kostum yang digunakan semasa persembahan. Muzik yang dipersembahkan, gerakan

tarian penari dan pentas yang digunakan turut mempengaruhi persembahan teater tradisional.

Menurut Anwar Ridhwan (2012), beliau menyatakan pementasan teater memerlukan premis tetap supaya penonton tahu di mana dan bila mereka boleh menonton teater. Oleh itu, lokasi pementasan teater tradisional merupakan masalah utama yang dihadapi oleh penonton, iaitu penonton yang ingin melihat pementasan teater tradisional seperti Mak Yong, Wayang Kulit dan teater-teater tradisional yang lain, mereka tidak tahu di mana lokasi teater tersebut dipentaskan.

Menurut Ku Seman Mku Hussain (2000), biasanya lokasi teater tradisional terpisah dari lensa kamera dan mata pena pengkritik teater. Pementasan teater tradisional menghasilkan teater yang bermutu dan menunjukkan identiti masyarakat.

Masyarakat kini tidak berminat untuk mendengar muzik Mak Yong kerana dianggap membosankan dan sudah ketinggalan zaman. Menurut Azaha Othman (2009), muzik merupakan alat bunyi yang sangat penting dalam sesuatu persembahan Mak Yong. Semasa pementasan teater Mak Yong, muzik juga digunakan bagi mencorakkan suasana yang menggambarkan perasaan dan emosi setiap adegan yang dimainkan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menentukan beberapa objektif kajian iaitu :

- I. Mengenalpasti tahap pengetahuan dan penerimaan penonton terhadap pementasan teater tradisional.
- II. Mengenalpasti persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional Mak Yong.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian pengkaji disifatkan untuk para pengkaji akan datang sama ada bagi mengkaji permasalahan yang sama atau melihat daripada perspektif yang berlainan. Namun masih dalam skop kajian yang sama. Hasil daripada kajian pengkaji iaitu persepsi penonton terhadap pementasan teater tradisional Mak Yong, diharap dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan maklumat kepada pengkaji akan datang. Seterusnya, dapat melihat kajian ini sebagai salah satu sumber rujukan mereka. Dengan adanya kajian ini, pengkaji akan datang dapat mengetahui asal usul teater tradisional, maksud persepsi Penonton, dan sejarah Mak Yong.

Selain itu, kajian pengkaji penting kepada penggiat teater di Malaysia. Dengan adanya kajian pengkaji, dapat memberikan banyak maklumat kepada penggiat teater mengenai pengetahuan dan penerimaan penonton dalam se maklumat sebuah pementasan teater tradisional. Selain itu, penggiat teater dapat mengetahui persepsi atau pandangan penonton terhadap pementasan teater tradisional Mak Yong. Kajian ini juga dapat mendedahkan kepada penggiat teater mengenai kelebihan dan kekurangan semasa pementasan teater